

6.3 HIASAN DINDING

Hiasan dinding merupakan sebahagian dari dalaman rumah yang akan menjadikan rumah tampak indah dan menarik.

Hiasan pada dinding berfungsi sebagai nilai estetik dan merupakan alat yang digunakan untuk menghias sesuatu ruang agar tampak lebih cantik pada penglihatan pengguna.

6.3.1 Jenis, Skema Warna, Fungsi dan Bentuk Hiasan Dinding

Terdapat pelbagai jenis hiasan dinding bagi hiasan dalaman, antaranya:

1 Bingkai gambar

2 Jam dinding

3 Panel hiasan (*wainscoting*)

4 Kambi, dado dan kumai

5 Cermin hiasan

6 Panel mudah alih

7 Rak dinding

8 Penyangkut

Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 6.3.1 Menyatakan jenis, skema warna, fungsi dan bentuk hiasan dinding mengikut gaya hiasan dalaman:
 - i) Bingkai gambar
 - ii) Jam dinding
 - iii) Panel hiasan (*wainscoting*)
 - iv) Kambi, dado dan kumai
 - v) Cermin hiasan
 - vi) Panel mudah alih
 - vii) Rak dinding
 - viii) Penyangkut
- 6.3.2 Menyesuaikan hiasan dinding berdasarkan konsep.
- 6.3.3 Memaparkan idea hiasan dinding berdasarkan ruang dalaman.
- 6.3.4 Melakar hiasan dinding berdasarkan konsep, warna dan fungsi ruang dalaman.
- 6.3.5 Memilih bahan dan peralatan pemasangan hiasan dinding berdasarkan keperluan.
- 6.3.6 Memasang hiasan dinding berdasarkan keperluan dan aksesori gubahan bunga.

Rajah 6.4 Jenis-jenis hiasan dinding



1) Bingkai Gambar

Bingkai gambar hiasan berfungsi untuk melindungi dan memaparkan imej, foto atau lukisan. Bingkai foto atau bingkai gambar diperbuat daripada kayu atau logam dalam pelbagai bentuk dan saiz. Ia dipasang pada dinding atau didirikan di atas meja. Bingkai kayu ialah bingkai gambar yang paling biasa digunakan kerana ia mudah diperoleh, dipotong dan dipasang.

Terdapat dua reka bentuk bingkai kayu, iaitu moden dan tradisional. Bingkai kayu moden lebih ringkas dan menggunakan ton warna kayu yang lebih cerah, manakala bingkai kayu tradisional lebih kompleks dan mempunyai corak kerawang.

Jenis-jenis bingkai gambar

Bingkai kayu moden



Bingkai kayu tradisional



Bingkai gambar logam



Bingkai gambar komposit



Rajah 6.5 Jenis-jenis bingkai


Tiga perkara harus dikenal pasti untuk menyusun dan menggantung bingkai gambar pada dinding, iaitu:

- Bilangan bingkai gambar dan saiz
- Keluasan dinding
- Elemen ruang dalaman seperti perabot dan aksesori lain.

Pemilihan bilangan bingkai gambar dan saiz bergantung kepada keluasan dinding yang digunakan. Perkara tersebut haruslah bersesuaian dari segi saiz dinding dan bingkai gambar.

Komposisi Susunan

Komposisi susunan bingkai gambar ada kaedahnya tersendiri supaya susunan itu lebih kemas, teratur dan menarik. Komposisi susunan gambar terdiri daripada tiga perkara, iaitu imbangan, rentak dan haluan.



Rajah 6.6 Idea komposisi susunan bingkai gambar pada dinding ruang dalaman





IMBANGAN

► IMBANGAN SIMETRIKAL

Penggunaan bingkai gambar yang sama saiz dan sama bentuk. Kaedah ini, penyusunannya lebih ringkas dan kemas.



Gambar foto 6.1 Contoh komposisi susunan bingkai gambar imbalanced simetrikal



► IMBANGAN ASIMETRIKAL

Kaedah imbalanced ini tidak sama antara bahagian kanan dan kiri. Penyusunan bingkai gambar bagi imbalanced asimetrikal lebih dinamik berbanding simetrikal.



Gambar foto 6.2 Contoh komposisi susunan bingkai gambar imbalanced asimetrikal



RENTAK

► RENTAK SEKATA

Rentak sekata ialah susunan dan peletakan bingkai gambar yang saiz sama disusun pada jarak yang sama antara satu sama lain. Susunannya lebih ringkas, kemas dan teratur.




► RENTAK BERULANG

Penyusunan bingkai gambar yang berbeza saiz dan disusun secara konsisten. Rentak berulang ini kelihatan lebih menarik kerana susunannya lebih dinamik dari segi visualnya.

► RENTAK BEBAS

Digunakan untuk menyusun bingkai gambar yang berlainan saiz. Semua bingkai gambar tersebut boleh disusun mengikut bentuk tertentu.



Gambar foto 6.3 Contoh komposisi susunan bingkai gambar rentak bebas



HALUAN

► HALUAN MENDATAR

Haluan mendatar ialah komposisi gambar disusun secara mendatar. Susunan ini sesuai untuk dinding yang lebar.



► HALUAN MENEGAK

Haluan menegak ialah komposisi gambar disusun secara menegak. Susunan ini sesuai untuk ruang dalaman yang kecil dan dinding yang tinggi.

► HALUAN MENURUN ATAU MENAIK


Komposisi gambar disusun secara menaik atau menurun. Susunan ini sesuai pada dinding di kawasan tangga.



Bentuk Bingkai Gambar

Bingkai gambar terdapat pelbagai bentuk digunakan sebagai hiasan dinding ruang dalaman. Bentuk bingkai gambar yang digunakan sebagai hiasan ialah:

- Segi empat tepat
- Segi empat sama
- Bujur
- Bulat



Gambar foto 6.4 Bentuk bingkai gambar

Gambar foto 6.5 Tanpa bingkai

2) Jam Dinding




Jam dinding kini tampil dengan pelbagai rekaan dan saiz. Ia bukan sekadar dipaku pada dinding atau digantung semata-mata, malah boleh dilekatkan terus pada dinding.

Peletakan jam dinding sebaiknya pada ketinggian 1.8 hingga 2.1 meter bagi kediaman bersiling normal. Jam dinding seharusnya tidak digantung pada paras pandangan mata, tetapi tidak terlalu tinggi dan bukan juga terletak di bawah paras mata.

3) Panel Hiasan (*wainscoting*)


Panel hiasan menjadi kegemaran pemilik kediaman kerana tampak klasik dan menjadi *trend* terkini.

Panel hiasan berfungsi sebagai ruang lengkap atau aksesori dinding.



Jenis panel dinding hiasan

Panel rata yang terdiri daripada lapisan rata secara berterusan pada keseluruhan dinding.



Panel timbul mempunyai tengah lebih tebal daripada bahagian tepi atau lebih timbul daripada bahagian sekelilingnya.



Panel tenggelam mempunyai bahagian tengah lebih nipis atau lebih tenggelam daripada bahagian tepinya.

4) Kambi, Dado dan Kumai

Kambi

Komponen penghubung antara penghujung lantai dengan dinding. Antara kepentingan kambi ialah:

- i. Memelihara penghujung kemas lantai dan dinding daripada kerosakan.
- ii. Menjadikan ruang nampak lebih kemas.

Kambi diperbuat daripada pelbagai jenis bahan, saiz dan bentuk. Antara bahan yang lazim digunakan ialah kayu. Kambi yang diperbuat daripada jubin, marmar, granit dan seramik juga digunakan. Bahan kemas seperti logam hanya digunakan pada jenis-jenis ruang dalaman tertentu seperti di hotel dan sebagainya.

Dado

Dado ialah komponen di bahagian tengah dinding. Dado diperbuat daripada pelbagai jenis bahan, saiz dan bentuk. Bahan yang lazim digunakan ialah kayu. Antara kepentingan dado ialah:

- i. Memelihara penghujung kemas seperti kertas dinding atau cat antara bahagian bawah dan atas dinding.
- ii. Menjadikan penyambungan antara dua bahagian dinding nampak lebih kemas.

Kumai

Kumai ialah komponen penghubung antara penghujung dinding dengan siling. Kumai diperbuat daripada pelbagai jenis bahan, saiz dan bentuk. Bahan seperti *plaster of Paris* ialah bahan yang lazim digunakan terutama sekali bagi ruang yang menggunakan siling lepa. Bahan seperti kayu juga kadangkala digunakan. Antara kepentingan kumai ialah:


- i. Menjadikan penyambungan antara dinding dan siling nampak lebih kemas dan bergaya.



Gambar foto 6.6 Contoh kambi



Gambar foto 6.7 Contoh dado



Gambar foto 6.8 Contoh kumai

5) Cermin Hiasan

Cermin adalah salah satu elemen hiasan dinding di dalam ruang dalaman. Selain itu, fungsi cermin juga dapat menyembunyikan kecacatan dinding. Cermin juga mempunyai fungsi penting dalam penataan ruang kerana memberikan ilusi ruang yang luas apabila digantungkan pada dinding dengan sudut tepat.

Cermin yang digantung secara melintang pada dinding rumah atau pejabat mengikut dekorasi dan gaya yang dipilih dapat mewujudkan keluasan ruang yang diinginkan. Rekaan yang unik dengan bingkai diperbuat daripada kayu besi dan dicat dengan kemas rona emas, menambahkan lagi penampilan mewah serta elegan.



Cermin hiasan di ruang makan



Cermin hiasan di bilik tidur




Cermin hiasan di ruang tamu

Rajah 6.7 Antara tempat peletakan cermin hiasan mengikut ruang dalaman

6) Panel Mudah Alih

Panel dinding mudah alih dihasilkan untuk bangunan moden dan kediaman.

Ia bukan sahaja digunakan secara meluas dalam bangunan yang tinggi dan bertingkat tetapi boleh digunakan sebagai panel perhiasan. Panel mudah alih dihasilkan daripada kayu, kaca, aluminium dan pelbagai lagi. Panel mudah alih adalah pilihan yang tepat bagi mengurangkan gema dan mewujudkan ruang privasi. Kelebihannya pula adalah dapat memisahkan ruang menjadi beberapa ruang yang lebih kecil.



Gambar foto 6.9 Contoh panel mudah alih daripada kaca



Gambar foto 6.10 Contoh panel mudah alih daripada kayu

7) Rak Dinding

Rak dinding kini terdapat dalam pelbagai bentuk, warna dan model. Bukan sekadar tempat menyimpan barang, namun sebahagian daripada dekorasi ruangan. Penggunaan rak dinding sangat membantu dalam menyusun atur ruang supaya kelihatan lebih kemas dan menjimatkan ruang. Pelbagai bahan dihasilkan untuk rak dinding. Antaranya:

- kayu
- kaca
- plastik
- logam

Rak dinding kayu



Rak dinding plastik



Rak dinding logam



Rajah 6.8 Contoh rak dinding yang digunakan di dalam ruang dalaman menggunakan bahan yang berlainan

8) Penyangkut

Penyangkut adalah salah satu hiasan dinding yang berfungsi untuk menjimatkan ruang. Ia merupakan alternatif lain selain dari rak dinding dalam menjimatkan ruang tetapi dalam masa yang sama dapat menampilkan ruang yang kemas dan bersih.

Pilihan reka bentuk penyangkut tidak banyak di pasaran. Dalam versi biasa penyangkut merupakan bar dengan cangkuk dan diperbuat dalam dua bentuk, iaitu secara menegak dan mendatar. Penyangkut berbentuk mendatar akan menampakkan ruang bilik lebih lebar, manakala penyangkut berbentuk menegak akan menampakkan ruang lebih tinggi. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan penyangkut ialah kayu, logam dan plastik.

Kegunaan penyangkut untuk menggantung sesuatu benda seperti kunci, beg, pakaian dan sebagainya. Penyangkut boleh didapati dalam beberapa jenis seperti penyangkut tunggal dan berangkai.

Contoh penyangkut berangkai



Contoh penyangkut tunggal



Rajah 6.9 Jenis penyangkut tunggal dan berangkai

6.3.2 Menyesuaikan Hiasan Dinding Berdasarkan Konsep

1 Konsep Moden

Konsep Moden merujuk kepada tempoh masa tertentu, iaitu antara awal hingga pertengahan abad ke-20. Konsep ini lebih memberikan tumpuan kepada bentuk yang ringkas dan praktikal. Hiasan dalaman dengan konsep Moden selalu menjadi pilihan kebanyakan pemilik rumah masa kini. Ini kerana hiasan dengan konsep Moden tampil lebih kemas dan segar.



Gambar foto 6.11 Penggunaan bingkai gambar dalam konsep Moden

2

Konsep Moden Kontemporari

Konsep Moden Kontemporari mempunyai ciri yang hampir sama dengan konsep Moden, iaitu ringkas serta tidak sarat. Antara ciri yang menyerlahkan konsep ini ialah penggunaan warna hitam, kelabu, perak dan putih. Idea moden kontemporari terkini lebih menekankan warna terang dan bercorak geometri. Antara elemen utama yang menjadi kekuatan dekorasi ialah warna, tekstur dan corak. Ketiga-tiga elemen ini digarap dengan sempurna di segenap ruang bagi menonjolkan identiti rekaan yang lebih berbeza.



Sentuhan moden kontemporari juga sering dilengkapi dengan kehadiran perabot ringkas dan diminati masyarakat bandar dan pasangan muda. Konsep ini cukup teratur namun tidak kaku. Antara ciri khas konsep ini ialah penambahan elemen logam pada ruang dalaman seperti lampu gantung berwarna perak atau emas. Keselarasan warna dan perabot merupakan perkara utama yang memberikan kesan elegan.



Gambar foto 6.12
Konsep Moden Kontemporari banyak menggunakan warna hitam dan putih di dalam ruang dalaman

3 Konsep Minimalis

Konsep Minimalis pastinya bukan baharu dalam hiasan dalaman. Matlamat konsep rumah Minimalis adalah untuk mencapai reka bentuk yang lebih cekap dan berkesan melalui kesederhanaan dalam bentuk, ruang, bahan, butiran dan warna.

Gambar foto 6.13
Kesederhanaan dalam pemilihan warna pada bingkai gambar turut mempengaruhi hiasan dinding di dalam ruang dalaman berkonsep Minimalis



Gambar foto 6.14 Bingkai gambar yang ringkas turut memberikan impak yang baik dalam menghiasi dinding ruang dalaman konsep Minimalis

4

Konsep Nusantara

Reka bentuk dalaman konsep Nusantara mempunyai ciri-ciri tradisional seperti ukiran kayu atau rotan.



Gambar foto 6.15 Rekaan bingkai cermin yang menggunakan motif ukiran kayu menyerlahkan konsep Nusantara di dalam ruang dalaman



Gambar foto 6.16 Penggunaan bingkai kayu dan ukiran motif flora amat sesuai dan menepati gaya nusantara di dalam ruang tamu

5 Konsep Inggeris

Konsep Inggeris dikesan pada akhir abad ke-19, ketika kerajaan Inggeris secara aktif menjajah dunia baharu. Ciri-ciri konsep Inggeris adalah melalui penggunaan cat warna di dalam ruang dalaman, tekstur pada kertas dinding, fabrik sofa dan kerusi di meja makan.

Gambar foto 6.17 Penggunaan langsir yang bercorak bunga dan reka bentuk sofa yang memberikan ciri-ciri kemewahan dalam konsep Inggeris



Gambar foto 6.18 Kertas dinding yang bercorak bunga menjadi pilihan dalam konsep Inggeris

Penggunaan corak hiasan yang berbunga pada langsir, sofa, kertas dinding dan rak kayu adalah ciri-ciri konsep Inggeris. Berikut merupakan kerusi atau sofa yang sering disesuaikan untuk konsep Inggeris:

- a. Kerusi *Chippendale*
- b. Sofa *Chesterfield*
- c. Sofa lebar

6.3.3 Memaparkan Idea Hiasan Dinding Berdasarkan Ruang Dalaman

Hiasan dinding di ruang tamu



Bingkai gambar diletakkan pada dinding sebagai titik tumpu di dalam ruang tamu ini dan penggunaan cermin berukir menambahkan seri di dalam ruang konsep Inggeris.



Konsep Moden Kontemporari di dalam ruang tamu ini menggunakan bingkai gambar sebagai tarikan dalam menyerlahkan ruang dalamnya. Susunan bingkai gambar yang sekata dan saiz yang sama menampakkan ruang ini lebih teratur dan kemas tanpa mengeneipkan ciri-ciri konsep di dalam ruang itu sendiri.

Hiasan dinding di ruang makan



Susunan bingkai gambar dan cermin diletakkan pada dinding yang sama menyerlahkan lagi ruang makan yang berkonsep Inggeris.

Penggunaan bingkai gambar yang kecil dipadankan dengan rak dinding yang ringkas dan warna dinding putih memberikan kesan yang minimum pada ruang.



Hiasan dinding di ruang dapur



Rak dinding bagi menyimpan gelas dan pinggan sangat sesuai digunakan di ruang dapur yang sempit. Elakkan menghiasi dinding yang terlalu sarat dengan aksesori supaya ruang tersebut tidak kelihatan serabut.



Tekstur dinding batu bata pada dapur menjadi tumpuan utama pada reka bentuk dapur ini. Kesan klasik batu bata dan konsep Minimalis dipadankan dengan sempurna dan digandingkan dengan penggunaan rak dinding yang ringkas dan warna kabinet dapur yang menyerlahkan lagi konsep Minimalis di dalam ruang dapur ini.

Hiasan dinding di bilik air

Cermin berbentuk bulat digandingkan dengan bingkai gambar di dalam bilik air menyerlahkan konsep Minimalis yang digunakan di dalam ruang ini. Warna yang digunakan pada dinding memberikan pemandangan yang bersih dan tenang.



Konsep Inggeris mengetengahkan penggunaan rak kayu dan bingkai cermin komposit. Warna yang digunakan juga ialah warna putih dan warna lembut.



Hiasan dinding di bilik tidur



Susunan bingkai gambar pada dinding bilik tidur memberikan kita maklumat awal ciri-ciri penghuni di bilik ini berdasarkan penggunaan warna dan saiz bingkai gambar yang digunakan. Konsep Moden Kontemporari paling tepat untuk digambarkan bagi ruang bilik tidur ini.



Konsep Inggeris adalah yang terbaik bagi penghuni yang sukakan elemen mewah. Menggunakan bingkai cermin yang berukir menyerlahkan elemen kemewahan dan bangsawan. Penggunaan bingkai gambar dengan susunan sekata pada dinding melengkapkan hiasan dinding bilik tidur ini.

6.3.4 Melakar Hiasan Dinding Berdasarkan Konsep, Warna dan Fungsi Ruang Dalam

TUGASAN

Lakarkan susunan bingkai gambar berdasarkan konsep dan fungsi ruang dalaman yang diberikan.

- Lakarkan kertas graf untuk melukis semula saiz dinding mengikut skala.
- Lukis semula saiz bingkai gambar mengikut skala pada kertas graf dan guntingkannya.
- Susunkan guntingan bingkai gambar ini pada kertas graf.

Tajuk: Melakar Bingkai Gambar Sebagai Hiasan Dinding

<p>A. Tajuk projek</p> <ol style="list-style-type: none"> Jenis bingkai gambar. Kegunaan bingkai gambar dalam hiasan dalaman. Dimanakah perlu dipasang? 	<ol style="list-style-type: none"> Bingkai gambar berbentuk segi empat, bulat atau bujur. Sebagai hiasan, memberikan ilusi luas di dalam ruang. Pada dinding ruang tamu, laluan ke bilik atau di ruang makan.
<p>B. Gambaran keseluruhan projek</p> <ol style="list-style-type: none"> Siapakah yang menggunakannya? Tujuan produk ini dihasilkan. 	<ol style="list-style-type: none"> Sasaran kepada semua penghuni yang memiliki rumah. Mencantikkan ruang dan menaikkan seri di dalam rumah.
<p>C. Pemasangan reka bentuk produk</p> <ol style="list-style-type: none"> Apakah elemen dan prinsip reka bentuk yang akan digunakan? Apakah kriteria reka bentuk yang ingin diterapkan? Pemilihan bahan dan peralatan pemasangan hiasan dinding. 	<ol style="list-style-type: none"> Elemen yang akan digunakan adalah saiz, warna, dan bentuk. Kriteria yang diterapkan berdasarkan konsep dan warna dalam ruang hiasan dalaman. Pemilihan bahan yang sesuai dengan ruang yang dipilih.
<p>D. Perancangan dalam pengurusan projek</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembahagian kumpulan kerja. Jadual kerja. Kos pengeluaran. Kualiti penghasilan. 	<ol style="list-style-type: none"> Pembahagian kerja kumpulan, jadual kerja, dan kos pengeluaran dinyatakan di dalam kertas kerja. Penghasilan berdasarkan jumlah kuantiti bingkai gambar yang digunakan dan saiz dinding ruang.



TUGASAN

Lakarkan lukisan perspektif ruang yang memaparkan tiga dinding, lantai dan siling.

A large, empty rectangular box with a thin black border, intended for the student to draw a perspective drawing of a room showing three walls, the floor, and the ceiling.

6.3.5 Bahan dan Peralatan Pemasangan Hiasan Dinding Berdasarkan Keperluan

Bahan yang diperlukan

- 1 unit bingkai gambar kayu saiz besar
- 2 unit bingkai gambar kayu saiz kecil
- Palam dinding
- Paku
- Skru
- Penyangkut dinding

Peralatan pemasangan hiasan dinding


- Gerudi mudah alih
- Pita ukur
- Timbang air
- Tukul kuku kambing
- Playar
- Pemotong dawai

6.3.6 Memasang Hiasan Dinding

Langkah pemasangan hiasan dinding.

LANGKAH 1

Rancang dan tandakan pada dinding sebenar mengikut graf yang terhasil daripada hasil lakaran sebelum ini.




Rajah 6.10 Ukuran tempat gantung dari lantai

LANGKAH 2

Bahagikan sama panjang kiri dan kanan bingkai gambar pada dinding untuk menandakan kedudukan penyangkut dengan membuat garisan.

- i. Bahagikan jarak antara bingkai.
- ii. Ukur 28" dari tepi bahagian bingkai pertama ke bingkai gambar kedua.
- iii. Kemudian ukur 64" (ketinggian akan berubah pada bingkai kedua).



Rajah 6.1 | Jarak terbaik antara satu bingkai gambar dengan bingkai gambar yang lain

LANGKAH 3

Skrukan cangkuk pada dinding yang telah ditanda.



LANGKAH 4

Pasangkan penggantung atau dawai pada bahagian belakang bingkai gambar dan gantungkan gambar pada pencangkuk.

Rumusan

HIASAN DINDING

Jenis hiasan dinding

- Bingkai gambar
- Jam dinding
- Kambi/Dado/Kumai
- Cermin hiasan
- Rak dinding
- Panel mudah alih
- Penyangkut
- Panel hiasan (*wainscoating*)

Hiasan dinding berdasarkan konsep

- Konsep Moden
- Konsep Minimalis
- Konsep Tradisional
- Konsep Inggeris
- Konsep Moden Kontemporari

Hiasan dinding berdasarkan ruang dalaman


- Ruang tamu
- Ruang makan
- Ruang dapur
- Ruang bilik tidur
- Ruang bilik air



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

- Penggunaan kertas dinding dan fabrik bercorak bunga merujuk kepada konsep _____.
 - Moden
 - Moden Kontemporari
 - Inggeris
 - Minimalis
- Penyataan manakah di bawah yang memberikan fungsi yang tepat kepada hiasan dinding?
 - Sebagai nilai estetika dan digunakan untuk menghias sesuatu tempat agar lebih cantik.
 - Menjadikan rumah tampak indah dan menarik.
 - Menjadikan ruang tampak nyaman dan menyenangkan.
 - Sebagai hobi dan mengisi masa lapang.



- Apakah nama hiasan dinding gambar di atas?
 - Kambi
 - Panel timbul
 - Panel tenggelam
 - Panel biasa

BAHAGIAN B

1. Senaraikan lima langkah pemasangan bingkai gambar.

- i _____
- ii _____
- iii _____
- iv _____
- v _____

2. Nyatakan fungsi hiasan dinding berikut dalam reka bentuk dalaman.

- i Bingkai gambar: _____
- ii Jam dinding: _____
- iii Cermin: _____
- iv Panel mudah alih: _____

3. Berdasarkan gambar yang diberikan, murid dikehendaki mencadangkan hiasan dinding yang bersesuaian.



TUGASAN

- a. Menghasilkan lakaran komposisi susun atur bingkai gambar pada dinding dengan kreatif dan betul.
- b. Memasang dan menggantung bingkai-bingkai gambar dengan kemas dan betul.